

Harga ubat tidak sepatutnya naik

BALIK PULAU – Harga ubat-ubatan di pasaran tidak sepatutnya dinaikkan sekiranya kerajaan bersetuju menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, harga ubat-ubatan di negara ini juga tidak sepatutnya dinaikkan memandangkan kerajaan telah memutuskan untuk mengecualikan semua jenis ubat-ubatan daripada dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

“Kerajaan telah menunjukkan komitmen tinggi bagi memastikan rakyat tidak terbeban apabila menambah senarai ubat-ubatan yang sifar GST menjadi 7,000 jenis berbanding 4,200 sebelum ini,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyerahan biasiswa kepada pelajar Sekolah Agama Rakyat (SAR) Sungai Burong di sini semalam.

Beberapa portal berita sebelum ini memetik kenyataan Presiden



HILMI bersama isteri, Datin Seri Jamilah Mohd. Zain (dua dari kanan) beramah mesra bersama pelajar cemerlang yang menerima biasiswa di SAR Sungai Burong, Balik Pulau semalam.

Amerika Syarikat, Barack Obama bahawa harga ubat-ubatan akan dinaikkan di negara-negara terlibat selepas TPPA dilaksanakan.

Hilmi berkata, polisi kerajaan dengan mengurangkan tempoh pendaftaran ubat-ubatan untuk dipatenkan turut membantu syari-

kat-syarikat besar terlibat supaya tidak mengalami kerugian.

“Berbanding negara lain di rantau ini yang mensyaratkan tempoh empat hingga lima tahun untuk mendaftar dan kajian ubat-ubatan, kita hanya menetapkan tempoh 245 hari bekerja untuk dipatenkan,” katanya.